

Tubuh Kerusi Profesor USIM

Nilai: Kerajaan negeri menawarkan untuk menubuhkan Kerusi Profesor di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam bidang penyelidikan yang akan ditentukan dalam perbincangan bakal dimulakan tahun depan.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, cadangan itu dibuat bagi membantu pihak universiti terutama dalam bidang kewangan selain melihat USIM terus mencipta kejayaan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

“Walaupun USIM sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang masih baru, namun universiti ini sudah banyak mencipta kedudukan yang baik dalam kalangan IPTA di negara ini.

“Justeru, harapan saya



MOHAMAD (tengah) bersama pelajar baru USIM.

USIM dapat terus mencipta nama dan bercadang menubuhkan satu kerusi profesor tetap di universiti ini bagi membantu pihak universiti terutama dalam soal kewangan bagi mengadakan satu penyelidikan yang dilaksanakan,” katanya pada sidang media selepas menghadiri

Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baru Sarjana Muda Sesi Akademik 2013/2014, di Stadium Tertutup Nilai, kelmarin.

Terdahulu beliau menyampaikan amanat kepada 2,162 pelajar baru yang mengikuti 25 program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda.